

MRT Corp agih lima lagi kontrak

» Projek RM3.474b diberi melalui penilaian ketat

Oleh Ahmad Farizal Hajat

ahmadfarizal@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

MRT Corporation (MRT Corp) mengagihkan lima lagi kontrak projek My Rapid Transit (MRT), yang semuanya bernilai RM3.474 bilion.

Kontrak pertama ialah bagi pakej V8 membabitkan kerja menyiapkan laluan jejambat dan kerja berkaitan lain dari Taman Mesra hingga Stesen Kajang bernilai RM985 juta, manakala yang kedua ialah pakej SBK-S-01 bernilai RM1.55 bilion bagi penyediaan tren elektrik, iaitu nadi utama kepada projek berkenaan.

Kontrak ketiga ialah pakej SBK-S-03 membabitkan kerja pembinaan sistem kawalan isyarat dan tren bernilai RM556 juta; yang keempat adalah pakej SBK-S05 membabitkan penyediaan sistem pengagihan dan pembekalan tenaga bernilai RM969 juta; manakala kontrak kelima ialah bagi pakej SBK-S-02 membabitkan kerja penyelenggaraan peralatan depot dan kenderaan bernilai RM423 juta.

UEM Construction dipilih kontraktor utama pakej V8

UEM Construction Sdn Bhd dipilih kontraktor utama bagi pakej V8, manakala konsortium dianggotai Siemens AG-Siemens (M) Sdn Bhd-SMH Rail Sdn Bhd meraih kontrak pakej SBK-S-01.

Kerja bagi pakej SBK-S-03 pula diraih Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd, pakej SBK-S05 dimenangi Meidensha Corporation, sementara pakej kelima, iaitu SBK-S-02 diperolehi konsortium yang dianggotai Siemens AG-Siemens

(M) Sdn Bhd-Hisniaga Sdn Bhd.

Kelima-lima kontrak itu tertakluk kepada pemeteraian penerimaan surat anugerah (LoA) yang bakal dikeluarkan pemilik serta pengendali MRT laluan Sungai Buloh-Kajang itu tidak lama lagi.

Penilaian menyeluruh

Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata kelima-lima kontrak itu diberikan kepada syarikat berkenaan selepas melalui proses penilaian ketat serta menyeluruh oleh Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OS-PC) yang dipengerusikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Putrajaya semalam.

“Pemilihan kontraktor berke-



“
Pemilihan kontraktor berkenaan dibuat berdasarkan penilaian pelbagai faktor, termasuk **keupayaan teknikal, kekuatan kewangan dan harga kos**”

Azhar Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif MRT Corp

naan dibuat berdasarkan penilaian pelbagai faktor, termasuk keupayaan teknikal, kekuatan kewangan dan harga kos.

“Faktor utamanya ialah memilih syarikat yang dapat memastikan projek itu dilaksanakan dengan input teknikal yang paling baik, selain mampu mengekalkan kos dalam jangkaan,” katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Dianugerahkan sepenuhnya

Dengan pemberian pakej V8 itu, Azhar berkata, semua pakej kerja yang merangkumi pembinaan jejambat dan laluan bawah tanah kini sudah dianugerahkan sepenuhnya, sekali gus menggambarkan kejayaan sangat penting bagi pelaksanaan projek berkenaan.

Bersandarkan perkembangan semasa itu, beliau turut yakin semua pakej utama laluan MRT Sungai Buloh-Kajang yang lain akan dianugerahkan menjelang akhir tahun ini.

Azhar turut menegaskan, penganugerahan pakej kerja penyediaan tren elektrik, sebagai contoh, amat penting dalam menjayakan projek MRT itu, berikutan ia menarik minat pelbagai pihak di dalam dan luar negara, tidak kira sama ada peserta dalam industri tren mahupun masyarakat awam.

“Tren MRT Sungai Buloh-Kajang ini adalah tren tanpa pemandu dan sudah tentu sistemnya, iaitu nadi utama kepada orang awam menjadi tajuk perbualan pelbagai pihak.

“Sehubungan itu, kami harus memastikan bahawa penumpang kekal yakin dengan sistem yang akan diperkenalkan kelak dan mampu menawarkan keselamatan dan boleh dipercayai. Saya yakin, kita boleh memperoleh semua ini dari Siemens,” katanya.